

Headline	Kaji serap guru KAFA jawatan sepenuh masa		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Jan 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	1,5	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	369 cm <sup>2</sup>
Journalist	Muhamad Fairoz Azizan	AdValue	RM 12,266
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,797



Kerajaan kaji serap guru KAFA ke jawatan sepenuh masa **Muka 5**

## Kaji serap guru KAFA jawatan sepenuh masa

Tujuh sekolah dipilih sebagai projek perintis pastikan keberkesanan

Oleh Muhamad Fairoz Azizan  
muhamadfairoz@bh.com.my

**Kuantan:** Kajian sedang dijalankan berhubung cadangan menyeraap guru Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA) ke jawatan sepenuh masa bermula tahun ini, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Fuziah Salleh.

Beliau berkata, perkara itu sedang diteliti termasuk bagi menyediakan pelan kurikulum dan waktu mengajar sebelum

dilaksanakan.

"Kita mewujudkan pasukan tugas khas selama enam bulan sejak 2018 bagi menjalankan kajian mengenai kurikulum dan waktu mengajar guru KAFA apabila di-serapkan secara sepenuh masa. Ini mengambil contoh konsep sekolah agama di Johor untuk diketengahkan.

"Guru KAFA separuh masa ini bukan satu kerjaya dan tidak ada minimum waktu mengajar; menyebabkan kebajikan mereka ini sedikit terabai," katanya selepas mengedarkan kalendar 2020 kepada pengunjung Pasar Tani di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kuantan, di sini, semalam.

Fuziah berkata, pihaknya akan memulakan projek perintis itu membabitkan tujuh sekolah di seluruh negara bagi melihat keberkesanan.

"Kita akan lihat dalam tempoh

setahun ini dan jika berjaya, kita akan serapkan guru KAFA ini sepenuh masa secara kontrak. Daring tiga hari bekerja kepada lima hari dan diiktiraf sebagai kerjaya.

"Elaun guru KAFA ketika ini juga sudah dinaikkan daripada RM900 kepada RM1,000. Jika diberikan jawatan sepenuh masa, kita akan kaji pula grad dan gaji yang sesuai, malah mereka sekarang juga sudah mencarum kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) selepas 30 tahun tiada caruman," katanya.

Sementara itu, mengulas lokasi baharu tapak pelupusan kekal (PDF) kilang nadir bumi, Lynas Malaysia Sdn Bhd (Lynas), Fuziah berkata, pihaknya ada mendengar bahawa sebuah lombong terbiar akan dibangunkan untuk tujuan berkenaan.

"Setakat ini, saya belum dengar



Fuziah mengedarkan kalendar 2020 kepada pengunjung di Pasar Tani UTC Kuantan, semalam. (Foto Muhd Asyraf Sawal/BH)

apa-apa maklumat daripada kerajaan negeri berhubung tapak PDF yang baharu. Tetapi, saya ada terdengar sebuah lombong terbiar akan dijadikan tapak, cuma tidak tahu di mana.

"Kerajaan negeri agak senyap mengenai isu ini dan saya lihat Lynas cuba cari jalan untuk menyediakan tapak baharu ini. Jika boleh, bukan di Pahang," katanya.